

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN
YAAKUB [MACHANG]**

SOALAN

Datuk Haji Ahmad Jazlan Bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh mana tahap sistem bantuan psikologi di Malaysia membantu dan memainkan peranan dalam keadaan ramai rakyat yang tertekan kerana masalah kewangan dan kehilangan ahli keluarga akibat pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan percaya dan yakin semua daripada kita terkesan dengan pandemik COVID-19 yang berlaku pada masa ini, kerana ia tidak pernah berlaku sebelum ini. Oleh itu kerajaan melalui pelbagai agensi dan pihak yang memberikan kerjasama sentiasa mementingkan keperluan sokongan psikologi kepada masyarakat yang memerlukan. Bantuan sokongan psikologi ini adalah penting untuk membantu masyarakat merasa lebih baik ketika menghadapi cabaran semasa pandemik COVID-19 dan seterusnya mencapai pertumbuhan positif dan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Kaunselor sentiasa menggiatkan usaha kesediaan akses kepada perkhidmatan kaunseling dan perkhidmatan sokongan psiko-sosial bagi mengurangkan kesan psikologi yang dialami oleh masyarakat. Perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial telah dilaksanakan secara berterusan sejak bermulanya pandemik melalui pelbagai cara dan medium. Antaranya seperti khidmat sokongan psikologi dalam talian dan program sokongan psiko-sosial melalui media elektronik dan media cetak serta media sosial. Petugas barisan hadapan juga sentiasa menyantuni mangsa-mangsa yang terjejas di lapangan akibat COVID-19 bagi memberikan bantuan sokongan emosi dan psikologi.

KPWKM melalui Lembaga Kaunselor sehingga **30 November 2021**, telah mendaftarkan **9,760** kaunselor berdaftar di bawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). Disamping itu, seramai 1500 kaunselor berdaftar telah didaftarkan sebagai sukarelawan kaunselor berdaftar. Sukarelawan Kaunselor Berdaftar ini merupakan satu entiti formal bagi membantu masyarakat menangani isu psikososial dan menyediakan bantuan profesional kepada masyarakat melalui khidmat psiko-sosial di peringkat komuniti dan melaksanakan program sokongan bantu mula psikologi kepada mangsa dan waris yang terkesan.

SOALAN NO. : 26

Sukarelawan Kaunselor Berdaftar terlibat membantu memberikan bantuan psiko-sosial kepada masyarakat melalui saluran YouTube TV yang disiarkan setiap malam untuk membincangkan isu kesihatan mental serta menyampaikan panduan (tips) untuk masyarakat. Kerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) untuk siaran program TV bagi sokongan kaunseling di dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia bermula pada 1 Jun 2021.

Lembaga Kaunselor juga telah menyediakan direktori sukarelawan kaunselor berdaftar untuk rujukan masyarakat di semua daerah.

Bagi perancangan jangka panjang, Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) akan diwujudkan untuk memperluaskan khidmat psikososial setempat.

Memandangkan ramai rakyat yang tertekan kerana masalah kewangan dan kehilangan ahli keluarga akibat pandemik COVID-19, KPWKMM telah menyediakan program penjanaaan pendapatan untuk membantu ekonomi wanita seperti berikut:

1. Kolaborasi Strategik bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)
2. Kolaborasi Strategik JPW dengan pelbagai pihak seperti TalentCorp dan PERKESO (menyediakan peluang pekerjaan kepada wanita)
3. Program Bantuan MyKasih Kapital

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN
SULAIMAN [SIK]**

SOALAN

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kewajaran menyemak nilai pemberian geran rangsum harian asrama anak yatim yang didaftar di bawah Kementerian dengan nilai yang lebih wajar dan munasabah pada ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini melalui peruntukan Bantuan Kewangan Kerajaan kepada pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah bagi **menampung** kos perbelanjaan makan dan minum kepada penghuni di pusat jagaan.

Kelulusan bantuan kewangan yang **dipertimbangkan turut mengambil kira kemampuan kewangan NGO dari segi jumlah aset semasa, pendapatan dan perbelanjaan NGO tersebut.** Ini adalah selaras dengan **prinsip kebajikan tanggungjawab bersama melalui kerjasama strategik antara kerajaan dan NGO.**

Kementerian merakamkan penghargaan kepada NGO yang bersama-sama memainkan peranan dalam komuniti dalam menjaga kebajikan anak-anak yatim tersebut.

Kementerian mengambil maklum akan isu yang dibangkitkan oleh NGO terutama dalam memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada kumpulan sasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHA KEE CHIN
[RASAH]**

SOALAN

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah penerima bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Parlimen Rasah untuk semua kategori bagi tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021 (sehingga September 2021) mengikut DUN dan nilai bantuan yang diterima oleh setiap penerima.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah penerima bantuan bulanan JKM di bawah Parlimen Rasah untuk semua kategori bagi tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021 (sehingga September 2021) mengikut DUN dan nilai bantuan yang diterima oleh setiap penerima adalah seperti berikut:

Tahun	Bil Penerima	Jumlah Peruntukan (RM)
2018	2,710	RM9,176,340.00
2019	2,748	RM9,713,910.00
2020	2,827	RM10,010,620.00
2021	3,057	RM10,850,730.00

Statistik penerima bantuan mengikut DUN di Parlimen Rasah adalah seperti di **Lampiran 1**.

Sekian, terima kasih.

Statistik Penerima Bantuan Parlimen Rasah Mengikut DUN Tahun 2018 Hingga 2021**Tahun 2018**

Bil	Jenis Bantuan	TAHUN 2018									
		DUN BUKIT KEPAYANG		DUN LABU		DUN MAMBAU		DUN RAHANG		DUN SENAWANG	
		Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM
1	Bantuan Kanak-Kanak (BKK)	65	198,850	83	268,500	78	264,260	23	64,050	77	273,750
2	Bantuan Warga Emas (BWE)	146	520,450	107	417,900	280	1,019,550	133	489,650	184	761,250
3	Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)	137	602,800	98	405,600	106	461,600	46	226,400	94	438,000
4	Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	120	284,250	68	170,500	113	293,500	43	113,250	95	290,000
5	Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT)	21	85,400	31	111,650	16	59,150	10	37,800	17	71,750
6	Bantuan Am (BA)	100	230,710	104	255,730	155	365,940	74	177,030	82	207,470
7	Bantuan Latihan Perantis (BLP)	0	0	0	0	0	0	1	600	0	0
8	Bantuan Anak Pelihara (BAP)	1	3,750	0	0	2	5,250	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		590	1,926,210	491	1,629,880	750	2,469,250	330	1,108,780	549	2,042,220

Tahun 2019

Bil	Jenis Bantuan	2019									
		DUN BUKIT KEPAYANG		DUN LABU		DUN MAMBAU		DUN RAHANG		DUN SENAWANG	
		Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM
1	Bantuan Kanak-Kanak (BKK)	78	198,700	64	246,850	76	205,100	21	59,500	86	238,000
2	Bantuan Warga Emas (BWE)	136	581,350	116	434,350	281	1,107,750	138	532,000	171	732,900
3	Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)	141	642,800	103	477,600	122	532,800	46	222,800	100	447,200
4	Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	147	406,750	89	236,750	142	359,000	56	146,250	111	298,750
5	Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT)	25	100,100	25	116,200	24	79,100	5	28,700	22	88,900
6	Bantuan Am (BA)	90	231,880	61	195,610	130	383,690	63	165,860	78	211,670
7	Bantuan Latihan Perantis (BLP)	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
8	Bantuan Anak Pelihara (BAP)	0	0	0	0	1	5,000	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		617	2,161,580	458	1,707,360	776	2,672,440	329	1,155,110	568	2,017,420

Tahun 2020

Bil	Jenis Bantuan	2020									
		DUN BUKIT KEPAYANG		DUN LABU		DUN MAMBAU		DUN RAHANG		DUN SENAWANG	
		Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM
1	Bantuan Kanak-Kanak (BKK)	74	216,000	60	217,100	72	211,400	20	52,200	76	219,750
2	Bantuan Warga Emas (BWE)	146	553,000	111	467,250	272	1,119,300	127	542,850	174	707,350
3	Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)	151	688,000	108	504,000	137	605,200	50	225,600	103	473,200
4	Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	169	468,000	93	268,750	138	409,750	61	173,500	127	354,000
5	Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT)	23	100,800	24	101,150	21	93,800	5	22,400	19	81,550
6	Bantuan Am (BA)	101	245,160	61	156,560	142	343,630	62	160,070	91	217,350
7	Bantuan Latihan Perantis (BLP)	0	0	0	0	1	1,000	1	700	0	0
8	Bantuan Anak Pelihara (BAP)	3	4,750	0	0	1	2,750	1	1,250	2	1,500
JUMLAH KESELURUHAN		667	2,275,710	457	1,714,810	784	2,786,830	327	1,178,570	592	2,054,700

Tahun 2021

Bil	Jenis Bantuan	Sehingga September 2021									
		DUN BUKIT KEPAYANG		DUN LABU		DUN MAMBAU		DUN RAHANG		DUN SENAWANG	
		Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM
1	Bantuan Kanak-Kanak (BKK)	78	314,000	66	251,450	81	309,400	21	68,150	81	286,100
2	Bantuan Warga Emas (BWE)	161	699,500	113	511,500	283	1,251,500	136	592,500	184	786,500
3	Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)	158	707,850	111	452,700	147	577,350	51	206,550	117	440,100
4	Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	185	486,000	99	265,200	156	402,000	65	173,100	143	363,000
5	Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT)	23	108,000	24	107,500	21	98,000	6	28,000	18	85,500
6	Bantuan Am (BA)	120	287,740	74	176,770	164	393,350	57	149,780	105	252,140
7	Bantuan Latihan Perantis (BLP)	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
8	Bantuan Anak Pelihara (BAP)	3	6,000	0	0	2	4,500	2	4,500	2	4,500
JUMLAH KESELURUHAN		728	2,609,090	487	1,765,120	854	3,036,100	338	1,222,580	650	2,217,840

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

SOALAN

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berikutan peningkatan penderaan kes kanak-kanak di sekolah, taska dan rumah, apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dan penguatkuasaan bagi menyekat pengulangan kes.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes penderaan ke atas kanak-kanak yang merupakan aset penting yang bakal mencorakkan masa hadapan negara.

Antara langkah dan program yang dilaksanakan oleh JKM adalah seperti berikut:-

- i) Pindaan terhadap Akta Kanak-Kanak 2001 pada tahun 2016 meliputi penambahbaikan daripada aspek pengurusan kes kanak-kanak yang memerlukan perkhidmatan berkaitan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan serta meningkatkan hukuman kepada individu yang melakukan penganiayaan atau mendedahkan kanak-kanak hingga mengakibatkan kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal, emosi atau seksual di bawah Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001.
- ii) Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Dalam Daftar Kanak-Kanak;
- iii) Program Advokasi - Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Di Sekolah - Sahabat B.I.J.A.K, Kursus Pra perkahwinan SMARTSTART, Program Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*), Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN dan Program PEKERTI@Sekolah;
- iv) Perluasan liputan perkhidmatan Talian Kasih 15999 dan Whatsapp Talian Kasih 019-2615999 bagi khidmat sokongan, kaunseling, pertanyaan dan aduan;
- v) Pelantikan Pembantu Pelindung seramai 299 sebagai barisan hadapan bagi menyelamatkan dan memberikan perlindungan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak;
- vi) Senarai Semak/Panduan (Infografik) bagi pemilihan pengasuh;

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa memandang serius keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak di TASKA antara langkah yang diambil adalah:

- i. Melaksanakan **pemantauan secara mengejut dan berkala** ke atas TASKA berdaftar bagi memastikan kualiti dan keselamatan di TASKA terjamin;
- ii. Mewajibkan **pemasangan kamera litar tertutup (CCTV)** di TASKA yang berdaftar dengan JKM kecuali TASKA Di Rumah melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Bil 1/2015;
- iii. JKM juga memastikan **status pendaftaran TASKA sentiasa dikemaskini dalam portal JKM** sebagai rujukan dan memudahkan ibu bapa bagi memastikan anak dihantar ke TASKA berdaftar.
- iv. Mengadakan program meningkatkan kesedaran masyarakat dan ibu bapa tentang kepentingan dan kelebihan menghantar anak ke TASKA yang berdaftar dengan JKM;

Langkah-langkah pencegahan ini terpakai di TASKA Institusi, TASKA Tempat Kerja, TASKA Komuniti atau TASKA Di Rumah yang berdaftar dengan jabatan. Manakala bagi kanak-kanak di sekolah pula, JKM sentiasa bekerjasama dengan pihak sekolah sekiranya pelajar di kesan menjadi mangsa penderaan.

Tanggungjawab melindungi kanak-kanak daripada penderaan, penganiayaan dan pengabaian bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab Pelindung JKM sahaja tetapi melibatkan pelbagai pihak seperti polis, hospital, mahkamah, pertubuhan sukarela kebajikan, ibubapa, penjaga, kanak-kanak dan komuniti setempat. Kerjasama pelbagai pihak merupakan teras utama dalam penyampaian perkhidmatan berkesan bagi membendung berlakunya kes-kes penderaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
[SHAH ALAM]**

SOALAN

Tuan Khalid Bin Abd Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk bersama menyahut usaha rakyat pada platform terbuka seperti yang dilalukan oleh Terato Tech dalam platform mayanya iaitu KitaJaga.co (<https://kitajaga.co/>) dan adakah juga Kerajaan akan turut bersama dalam usaha memberikan bantuan melalui platform terbuka seperti ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terhadap kebajikan masyarakat dalam pelbagai aspek. Pewujudan platform terbuka yang merupakan inisiatif sendiri oleh rakyat menunjukkan betapa prihatinnya masyarakat dalam turut sama memberi bantuan dan sokongan kepada mereka yang memerlukan, terutama yang terkesan dari segi ekonomi akibat pandemik COVID-19.

Dalam hal ini, Kementerian menyambut baik dan tidak menghalang usaha yang telah dilaksanakan berikutan ia memudahkan bantuan-bantuan untuk disalurkan kepada mana-mana pihak yang memerlukan. Usaha ini juga dilihat sebagai salah satu mekanisme terbaik untuk memudahkan urusan bantuan untuk disalurkan dengan cepat dan pantas. Sekiranya bersesuaian, pihak Kementerian tiada halangan untuk turut bersama dalam usaha ini bagi memastikan kebajikan rakyat terus terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]**

SOALAN

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik permohonan dan penerima bantuan kebajikan mengikut pecahan jenis skim bantuan (seperti bantuan kanak-kanak, warga emas, OKU, dan sebagainya) untuk negeri Melaka bagi tahun 2020 dan 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah permohonan bantuan JKM di negeri Melaka bagi tahun 2020 adalah sebanyak **6,292 permohonan**. Manakala permohonan bantuan JKM bagi tahun 2021 adalah sebanyak **4,575 permohonan**.

Seterusnya bagi penerima bantuan mengikut skim, bagi tahun 2020 terdapat seramai **24,913 penerima** dengan peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak **RM90.2 juta**. Manakala bagi tahun 2021 sehingga bulan Oktober, jumlah penerima bantuan adalah seramai **24,983 penerima** dengan peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak **RM107.3 juta**.

Statistik penerima bantuan mengikut skim-skim bantuan bagi tahun 2020 dan 2021 bagi negeri Melaka adalah seperti jadual berikut:

Skim	2020		Sehingga Oktober 2021	
	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM
Bantuan Kanak-Kanak (BKK)	2,239	6,911,350	2,200	9,380,250
Bantuan Warga Emas (BWE)	7,363	30,766,996	7,108	36,535,874
Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)	5,023	23,522,866	5,142	24,012,738
Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	3,978	11,273,369	4,214	19,050,006
Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT)	962	4,730,764	1,008	6,009,585
Bantuan Am (BA)	4,985	12,529,790	5,011	11,976,470
Bantuan Latihan Perantis (BLP)	1	2,200		
Bantuan Anak Pelihara (BAP)	19	70,500	19	75,250
Geran Pelancaran (GP)	30	81,000	5	13,500
Tabung Bantuan Segera (TBS)	188	56,250	152	45,520
Bantuan Alat Tiruan/Sokongan (BAT)	125	326,988	124	238,966
JUMLAH	24,913	90,272,074	24,983	107,338,158

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

SOALAN

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Permatang Pauh] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan**

- (a) usaha terkini Kementerian untuk menangani isu kemiskinan haid di Malaysia, mengambil kira impak COVID-19 terhadap kemampuan segmen miskin untuk membeli produk sanitari; dan
- (b) Statistik jumlah individu yang mengalami kemiskinan haid dari tahun 2019 hingga 2021, dipecahkan mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengambil inisiatif dalam membantu untuk menangani Kemiskinan Haid dengan melaksanakan pelbagai strategi yang boleh memberikan impak secara langsung kepada kumpulan sasar terutama golongan B40. Buat masa ini, tiada statistik berkaitan kemiskinan haid di Malaysia yang telah dilaporkan. Walaubagaimanapun, pelestarian terhadap isu dan polemik mengenai Kemiskinan Haid telah mengorak langkah kepada LPPKN melaksanakan Program Pemberian Kit Kebersihan Asas pada September 2021 oleh LPPKN W.P Kuala Lumpur kepada remaja dalam kawasan *hotspot* dalam bandar. Sebanyak 13 Komuniti PPR dan dua (2) Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sekitar Kuala Lumpur terlibat dalam pelaksanaan projek ini yang melibatkan penyertaan seramai 350 orang remaja dalam kalangan B40.

Tinjauan pendapat juga telah dijalankan kepada kumpulan sasar bagi mengenal pasti isu permasalahan dan pemahaman kumpulan sasar terhadap isu kemiskinan haid. Hasil dapatan daripada tinjauan pendapat kepada penerima remaja tersebut mendapati sebanyak 13.1 peratus (%) remaja tersebut menyatakan harga produk pengurusan haid di pasaran tidak berpatutan dan tidak mampu dimiliki dan sebanyak 16.4 peratus (%) pula menyatakan pernah mengalami kesulitan mendapatkan produk pengurusan haid dalam tahun ini. Data ini menunjukkan bahawa masih terdapat golongan yang terkesan dengan isu kemiskinan haid di Malaysia sebagai negara yang sedang membangun.

Dengan pengumuman Bajet 2022 ini, kerajaan telah mengambil inisiatif bagi membantu golongan yang memerlukan dan pada masa yang sama kita dapat mengkaji prevalens isu ini dalam kalangan remaja dan wanita di Malaysia. Program ini akan melibatkan pemberian Kit Kebersihan Asas dan bekalan tuala wanita kepada seramai **130,000 orang remaja perempuan** berumur 13 hingga 17 tahun dalam kalangan B40 di kawasan luar bandar dan bandar menerusi sekolah menengah terpilih dengan

SOALAN NO. : 306

pelbagai platform dan jaringan rakan strategik kolaborasi daripada agensi kerajaan, swasta, dan Badan Bukan Kerajaan. Program ini merupakan *entry point* kepada elemen utama iaitu meningkatkan pengetahuan dan pembangunan kemahiran kesihatan reproduktif dan kebersihan menstruasi menerusi program advokasi yang dijalankan di sekolah-sekolah terlibat bagi membentuk remaja perempuan yang berkeyakinan, mempunyai jati diri, dan resilien agar mengamalkan gaya hidup positif dan sihat. Tambahan lagi, kita dapat mengkaji faktor yang menyumbang kepada kemiskinan haid dan langkah terbaik bagi menangani masalah ini pada jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

SOALAN

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan untuk menunjukkan data dan statistik kes penderaan kanak-kanak dalam masa 10 bulan ini bermula dari Januari hingga Oktober 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes penderaan ke atas kanak-kanak yang merupakan aset penting yang bakal mencorakkan masa hadapan negara. Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016) menyatakan penderaan kanak-kanak terbahagi kepada tiga jenis atau kategori iaitu **penderaan fizikal, seksual dan emosi**.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kes penderaan kanak-kanak mengikut kategori dari Januari hingga Oktober 2021 adalah sebanyak 3,056 kes. Pecahan kes adalah seperti berikut:

- (i) penderaan fizikal sebanyak **1,320 kes** (43.2 peratus);
- (ii) penderaan seksual sebanyak **1,569 kes** (51.4 peratus); dan
- (iii) penderaan emosi adalah sebanyak **167 kes** (5.4 peratus).

Daripada jumlah tersebut, 2,236 kes adalah kanak-kanak perempuan (73.2 peratus) dan 820 kes adalah kanak-kanak lelaki (26.8 peratus).

JENIS PENDERAAN / JANTINA	JAN – OKTOBER 2021		
	L	P	JUMLAH
Penderaan Fizikal	676	644	1,320
Penderaan Seksual	76	1,493	1,569
Penderaan Emosi	68	99	167
JUMLAH	820	2,236	3,056

Tanggungjawab melindungi kanak-kanak daripada penderaan, penganiayaan dan pengabaian bukan hanya tanggungjawab Pelindung sahaja tetapi melibatkan pelbagai pihak seperti polis, hospital, mahkamah, pertubuhan sukarela kebajikan, ibu bapa, penjaga, kanak-kanak dan komuniti setempat. Kerjasama pelbagai pihak merupakan teras utama dalam penyampaian perkhidmatan berkesan. Antara program yang dilaksanakan oleh JKM seperti berikut:

- i) Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Dalam Daftar Kanak-Kanak
- ii) Program Advokasi - Program Keselamatan Kanak-kanak Sahabat B.I.J.A.K: Selamat dan Lindung (*Safe and Protect*).
- iii) Perluasan liputan perkhidmatan Talian Kasih 15999 dan Whatsapp Talian Kasih 019-26 15999 bagi khidmat sokongan, kaunseling, pertanyaan dan aduan;
- iv) Pelantikan Pembantu Pelindung seramai 299 sebagai barisan hadapan bagi menyelamatkan dan memberikan perlindungan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak; dan
- v) Penubuhan 140 Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) dan 133 Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) dalam membantu JKM untuk menangani isu berkaitan kanak-kanak di peringkat komuniti.

Selain daripada itu, pada tahun ini Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) turut meluluskan 224 perjawatan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat (S29) kontrak untuk menjalankan tugas sebagai Pelindung dan Pegawai Akhlak di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN
YAHAYA [TASIK GELUGOR]**

SOALAN

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik warga emas melebihi 60 tahun di seluruh negara dan apakah persediaan bagi Malaysia menjadi Negara Menua pada 2030.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Warga emas di Malaysia merujuk kepada mereka yang berumur 60 tahun dan lebih, iaitu menggunakan definisi semasa Perhimpunan Dunia Bangsa-Bangsa Bersatu yang pertama mengenai penuaan di Vienna, pada tahun 1982. Mengikut unjuran PBB (2009), Malaysia akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila 15 peratus daripada jumlah penduduk adalah warga emas berumur 60 tahun ke atas. Pada tahun 2010, Banci Penduduk menunjukkan terdapat seramai 2.25 juta warga emas iaitu 7.9 peratus daripada 28.3 juta orang penduduk. Daripada jumlah tersebut, seramai 1.11 juta orang atau 49.0 peratus adalah lelaki dan 1.14 juta orang (51.0%) adalah wanita. Dijangkakan pada tahun 2030, angka ini akan meningkat sekali ganda kepada 5.82 juta warga emas bersamaan 15.3 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia sekali gus mencapai status Negara Tua.

Antara inisiatif dan persediaan yang telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan golongan warga emas kekal sejahtera dan dapat menyumbang kepada proses pembangunan negara adalah seperti berikut:

- i. **Dasar Warga Tua Negara** yang digubal pada tahun 1995 dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara yang diguna pakai pada tahun 1998 telah dikaji semula. Susulan ini, Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara telah dirangka dan diluluskan oleh Kerajaan pada 5 Januari 2011. Dasar ini berasaskan kepada pendekatan pembangunan modal insan sepanjang hayat dengan memberi tumpuan kepada aspek persediaan, pencegahan dan pengukuhan, selain mengambil kira keperluan mendayaupayakan golongan warga emas.
- ii. **Dasar Keluarga Negara** yang telah diluluskan pada tahun 2010 mengutamakan perspektif keluarga dalam segala usaha pembangunan sosioekonomi bagi melahirkan generasi berkualiti. Pelan tindakan dasar ini mempunyai tiga teras strategi, iaitu:

- a. Meningkatkan komitmen dan penglibatan pelbagai pihak untuk mengutamakan perspektif keluarga dalam segala usaha pembangunan sosioekonomi;
 - b. Memastikan undang-undang, dasar, prosedur serta penguatkuasaan undang-undang dan peraturan mengutamakan perspektif keluarga; dan
 - c. Menyedia dan memastikan program, perkhidmatan dan kemudahan mesra keluarga mudah diakses atau dicapai.
- iii. **Dasar Kesihatan Warga Emas** telah dibentuk pada tahun 2008 untuk mencapai tahap kesihatan yang optima bagi warga emas melalui perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan yang berkaitan dengannya, yang menyeluruh dan bersepadu. Strategi-strategi yang ditekankan dalam dasar ini ialah:
- a. Promosi kesihatan
 - b. Menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif dan berkesinambungan
 - c. Perancangan dan pembangunan sumber manusia
 - d. Sistem rangkaian maklumat
 - e. Penyelidikan dan pembangunan
 - f. Kerjasama antara agensi dan sektor
 - g. Perundangan
- iv. **Rangkaian Penyelidikan Penuaan Peringkat ASEAN** telah dimeterai dengan 10 blok negara ASEAN pada 2018 bagi mencapai 3 objektif iaitu mewujudkan satu rangkaian pakar bidang penuaan di peringkat ASEAN; mengenal pasti bidang keutamaan penyelidikan dalam bidang penuaan; seterusnya membangunkan satu kerangka dokumentasi protokol data penyelidikan yang seragam peringkat ASEAN. Projek ini sedang dibangunkan di peringkat akhir dan kerjasama seumpama ini adalah platform yang ideal bagi negara anggota ASEAN untuk berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik dalam bidang penuaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN
ABD. KADIR [SETIU]**

SOALAN

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha Kementerian dalam memastikan pusat-pusat intervensi kanak-kanak khas khususnya kanak-kanak Autism mendapatkan lesen daripada pihak JKM agar guru-guru di pusat tersebut benar-benar terlatih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) telah diberi tanggungjawab menguatkuasakan Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994.

Kementerian amat komited dalam memastikan pusat jagaan autisme yang beroperasi didaftarkan di bawah Akta 506. Mana-mana pusat jagaan yang berdaftar hendaklah mematuhi standard minimum yang ditetapkan. Antara perkara yang diberi perhatian sebelum pendaftaran dibuat sebagaimana peruntukan **Seksyen 7(c) Akta 506 bahawa pengendali pusat jagaan hendaklah memastikan bahawa pusat jagaan dilengkapi secukupnya dari segi kakitangan, dengan secukup bilangan orang yang mempunyai kelayakan atau pengalaman yang sesuai. Sehingga Ogos 2021, sebanyak 35 buah Pusat Jagaan Autisme telah didaftarkan.**

JKM melaksanakan program advokasi dan jerayawara secara berterusan kepada pengendali pusat jagaan dan masyarakat bagi memastikan mereka lebih cakna dan sedar kepentingan mendaftarkan pusat jagaan dengan JKJ. **Berdasarkan statistik daripada Januari sehingga September tahun ini, terdapat sebanyak 43 program jerayawara direkodkan telah diadakan di seluruh negara.**

Kementerian juga komited dalam memastikan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas mana-mana pusat jagaan yang tidak berdaftar. Terdapat tiga tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil ke atas pusat jagaan tidak berdaftar. Mengikut peruntukan Akta Pusat Jagaan (1993) Pindaan (2007), dinyatakan dalam Seksyen 16A(1) **mengelak atau menyita**. Selain itu, di bawah seksyen 21 pula adalah untuk **pendakwaan** manakala seksyen 21A(1) **pengkompaunan** kesalahan tidak melebihi lima ribu ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada yang dinyatakan di atas, Seksyen 18 Akta Pusat Jagaan 1993 juga menyatakan tentang **kesalahan dan penalti** kepada pengendali pusat-pusat jagaan yang gagal mematuhi peruntukan dalam akta ini, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Berdasarkan statistik daripada Januari 2018 sehingga Ogos 2021, sebanyak 59 tindakan penguatkuasaan yang telah dikenakan ke atas pusat jagaan tidak berdaftar. Tindakan penguatkuasaan terpaksa diambil ke atas pengendali yang telah diberikan amaran tetapi masih ingkar untuk mendaftarkan pusat jagaan mereka memandangkan kebajikan dan kesejahteraan penghuni di pusat-pusat jagaan ini yang menjadi keutamaan kepada JKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

SOALAN

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan memperincikan data Bantuan Warga Emas berjumlah RM559 juta seperti yang dilaporkan di akhbar dari aspek lokaliti penerima khususnya bagi kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik terkini Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah penerima Bantuan Warga Emas (BWE) sehingga Oktober 2021 adalah sebanyak **137,793 penerima** dengan jumlah peruntukan yang telah disalurkan sehingga Oktober 2021 adalah sebanyak **RM698.9 juta**. JKJ hanya mempunyai statistik penerima Bantuan Warga Emas mengikut pecahan negeri seperti jadual di bawah.

**Statistik Penerima Bantuan Warga Emas Mengikut Negeri Bagi
Tahun 2021(Januari hingga Oktober 2021)**

BIL	NEGERI	BWE	
		BIL KES	RM
1	PERLIS	1,334	6,671,000
2	KEDAH	6,926	34,736,021
3	PULAU PINANG	6,115	30,217,000
4	PERAK	9,980	56,544,541
5	SELANGOR	10,270	51,729,502
6	MELAKA	7,108	36,535,874
7	N.SEMBILAN	8,848	44,611,034
8	JOHOR	14,216	70,613,631
9	KELANTAN	9,078	45,742,491
10	TERENGGANU	3,905	19,954,982
11	PAHANG	8,934	46,010,183
12	SABAH	28,667	142,508,191
13	SARAWAK	19,271	96,819,998
14	WP K.LUMPUR	2,907	15,085,000
15	WP LABUAN	234	1,178,065
JUMLAH KESELURUHAN		137,793	698,957,510

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN
[SUBANG]**

SOALAN

**Tuan Wong Chen [Subang] minta MENTERI PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan :-**

(a) jumlah laporan dan anggaran terbaik kes keganasan rumah tangga yang telah berlaku di Subang dari Mac 2020 hingga September 2021; dan

(b) apakah peratusan peningkatan kes berbanding dengan tahun-tahun sebelum COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat mengambil berat dan prihatin terhadap mangsa keganasan rumah tangga. Oleh itu menerusi Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [*Akta 521*], Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, jumlah kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan di kawasan Parlimen Subang sepanjang Mac 2020 hingga September 2021 ialah sebanyak **55 kes**.

Pada tahun **2019** Parlimen Subang mencatatkan **13 kes** keganasan rumah tangga manakala pada tahun **2020** sebanyak **37 kes** keganasan rumah tangga telah dilaporkan. Statistik perbandingan bagi Parlimen Subang bagi tahun 2019 dengan tahun 2020 mencatatkan peningkatan kes sebanyak 24 kes.

Bagi tempoh antara **Januari 2021 hingga September 2021** sebanyak **24 kes** telah dilaporkan berlaku di Parlimen Subang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMPUT]**

SOALAN

Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah yang telah di ambil oleh Lembaga Kaunselor Malaysia untuk memastikan proses pendaftaran kaunselor kekal kompetitif dan penggunaan teknologi sebagai norma baru dalam pengiraan jam/syarat era pasca COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Kaunselor dalam menguatkuasakan peranan di bawah Akta Kaunselor 1998 [*Akta 580*], terus memelihara profesionalisme kaunselor sebagai satu profesion yang ikhtisas untuk memberi bantuan kepada masyarakat. Akta ini bertujuan untuk menguatkuasa undang-undang bagi menentukan seseorang itu layak diiktiraf sebagai seorang kaunselor berdaftar. dan menyelia perkhidmatan kaunseling dan mengawal selia amalan kaunseling serta latihan kaunselor dan menentukan jenis dan tahap kaunseling di Malaysia serta mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan amalan kaunselor dan bagi perkara-perkara berkaitan dengannya seperti mana yang diperuntukkan dalam Akta tersebut. Lembaga Kaunselor merupakan pertubuhan yang ditubuhkan di bawah Akta Kaunselor bagi menguatkuasakan akta ini.

Sehingga **30 November 2021**, Lembaga Kaunselor telah mendaftarkan **9,760** kaunselor berdaftar di bawah akta tersebut. Untuk memastikan proses pendaftaran kekal kompetitif dalam norma baharu, Lembaga Kaunselor telah mengambil inisiatif untuk memproses permohonan secara dalam talian. Semasa pandemik COVID-19, Sesi Pengesahan Kelayakan Kaunselor Berdaftar telah mula dilaksanakan secara dalam talian melalui aplikasi *Zoom Cloud Meeting*. Sesi dalam talian ini telah bermula pada bulan **Januari 2021**. Sehingga **30 November 2021** sejumlah **495** permohonan berjaya diproses. Ini menunjukkan walaupun dalam keadaan pandemik COVID-19 Sesi Pengesahan Kelayakan Kaunselor Berdaftar dari Januari 2021 sehingga November 2021 secara dalam talian masih dapat dijalankan.

Dalam memastikan latihan kaunselor mencapai satu standard minimum yang ditetapkan, Lembaga Kaunselor telah menyediakan satu Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor yang bertujuan untuk memastikan setiap kaunselor yang mengikuti program kaunseling yang telah diberi akreditasi memiliki dan menguasai tahap minimum pengetahuan dan kemahiran kaunseling seperti yang terdapat di dalam Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor. Penguasaan pengetahuan dan kemahiran

tersebut akan membolehkan kaunselor berfungsi mengikut peruntukan Akta Kaunselor 1998 [*Akta 580*]. Di samping itu, dalam program latihan kaunselor, sikap dan nilai yang sesuai dengan profesion kaunseling perlu dipupuk dan diperkembangkan. Ini penting bagi menyediakan kaunselor profesional yang akan memberikan perkhidmatan profesional yang terbaik kepada masyarakat dan negara.

Dalam menjaga dan memastikan kualiti Pengajaran dan Pembelajaran dilaksanakan dengan sempurna dalam keadaan negara berdepan dengan krisis wabak COVID-19, Lembaga Kaunselor telah mengeluarkan **Nota Khas Bil. 2-2020** yang bertujuan untuk memberi panduan kepada Penyedia Pendidikan Tinggi (PPT). Nota Khas ini terpakai kepada pelaksanaan program peringkat Ijazah Pertama/Sarjana Muda/Bachelor dan Peringkat Sarjana/Master dalam bidang kaunseling serta Peringkat Sarjana/Master kaunseling dengan bidang tumpuan utama.

Sehubungan dengan itu, bagi menyesuaikan proses pengajaran dan pembelajaran sewaktu PKP 3.0 di institusi pengajian tinggi, Lembaga Kaunselor telah mengeluarkan **fleksibiliti tambahan** terhadap Nota Khas Bil. 2/2020 seperti dalam **Jadual 1**. Fleksibiliti tambahan ini mengambil kira perkara berikut:

1. Kelestarian kualiti graduan dengan mengambil kira cabaran pembelajaran dan latihan dalam situasi PKP 3.0.
2. Keselamatan dan kebajikan kaunselor pelatih dan klien yang merupakan teras dalam perkhidmatan kaunseling.
3. Keseimbangan fleksibiliti pembelajaran dan latihan pelajar dengan kualiti hasil pembelajaran bagi memastikan kepentingan dan kebajikan masyarakat yang bakal menerima perkhidmatan kaunseling.

Fleksibiliti tambahan terhadap Nota Khas Bil. 2/2020, **berkuat kuasa** pada **28 Jun 2021** boleh diguna pakai di setiap PPT tertakluk kepada SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Sekian, terima kasih.

**FLEKSIBILITI TAMBAHAN TERHADAP NOTA KHAS BIL. 2/2020 BERHUBUNG DENGAN PELAKSANAAN
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SEJAJAR DENGAN PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN 3.0 KRISIS WABAK COVID-19**

Bil.	Perkara	Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor	Nota Khas Bil.2/2020	Fleksibiliti Tambahan
1.	Pelaksanaan Kursus Berbentuk Teori	Semua kursus hendaklah dilaksanakan secara bersemuka.	Fleksibiliti: Kursus yang berbentuk teori diberi kebebasan untuk diadakan secara pembelajaran atas talian sama ada menggunakan kaedah pembelajaran atas talian secara <i>synchronous</i> atau <i>asynchronous</i> .	Tiada fleksibiliti tambahan kepada Nota Khas Bil.2/2020
2.	Pelaksanaan Kursus Berbentuk Amali atau Kemahiran	Semua kursus hendaklah dilaksanakan secara bersemuka.	Fleksibiliti: Kursus berbentuk amali ataupun kemahiran klinikal hendaklah dilaksanakan secara bersemuka (70%) dan diberikan kebebasan secara dalam talian (30%).	Tiada fleksibiliti tambahan kepada Nota Khas Bil.2/2020

Bil.	Perkara	Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor	Nota Khas Bil.2/2020	Fleksibiliti Tambahan
3.	Pelaksanaan Praktikum Kaunseling	Praktikum adalah 252 jam yang bernilai 3 jam kredit di mana 96 jam daripadanya diperuntukkan untuk perhubungan bersemuka dengan klien (kaunseling individu, kelompok, keluarga atau perkahwinan). Tempoh Praktikum 252 jam hendaklah dilaksanakan secara konvensional iaitu bersemuka sepenuhnya 252 jam.	<p>Fleksibiliti: Lembaga Kaunselor telah memberi ruang pelaksanaan praktikum kaunseling dilaksanakan:</p> <p>Perkara 1. Secara atas talian sebanyak 62% (156 jam daripada 252 jam)</p> <p>Perkara 2. Secara bersemuka sebanyak 38% (96 jam daripada 252 jam)</p>	<p>Fleksibiliti Tambahan: Pelaksanaan 96 jam sesi bersemuka dalam perkara 2 Nota Khas Bil.2/2020 boleh dilaksanakan:</p> <p>i. 40% (38 jam) dilaksanakan secara Tele-Kesihatan Mental (<i>Tele-Mental Health</i>) menggunakan <i>Video Conferencing-Based Tele-Mental Health</i></p> <p>ii. 60% (58 jam) dilaksanakan secara bersemuka.</p>

Bil.	Perkara	Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor	Nota Khas Bil.2/2020	Fleksibiliti Tambahan
4.	Pelaksanaan Internship Kaunseling	Internship adalah 504 jam yang bernilai 6 jam kredit di mana 192 jam daripadanya diperuntukkan untuk perhubungan bersemuka dengan klien (kaunseling individu, kelompok, keluarga atau perkahwinan). Tempoh Praktikum 504 jam hendaklah dilaksanakan secara konvensional iaitu bersemuka sepenuhnya 504 jam.	<p>Fleksibiliti: Lembaga Kaunselor telah memberi ruang pelaksanaan internship kaunseling dilaksanakan:</p> <p>Perkara 1. Secara atas talian sebanyak 62% (312 jam daripada 504 jam)</p> <p>Perkara 2. Secara bersemuka sebanyak 38% (192 jam daripada 504 jam)</p>	<p>Fleksibiliti Tambahan: Pelaksanaan 192 jam sesi bersemuka dalam perkara 2 Nota Khas Bil.2/2020 boleh dilaksanakan:</p> <p>i. 40% (77 jam) dilaksanakan secara Tele-Kesihatan Mental (<i>Tele-Mental Health</i>) menggunakan <i>Video Conferencing-Based Tele-Mental Health</i></p> <p>ii. 60% (115 jam) dilaksanakan secara bersemuka.</p>

Bil.	Perkara	Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor	Nota Khas Bil.2/2020	Fleksibiliti Tambahan
5.	Seting Praktikum dan Internship	<p><u>Seting Praktikum</u> Tempat praktikum hendaklah mempunyai kemudahan dan peralatan yang sesuai bagi tujuan memberi latihan klinikal serta mempunyai prosedur tetap bagi menjamin kerahsiaan dan melindungi hak-hak klien mengikut undang-undang. Tempat itu juga harus menyediakan peluang seluas-luasnya untuk pelatih membiasakan diri dengan pelbagai aktiviti profesional seperti penyimpanan rekod, penyeliaan, perkhidmatan maklumat dan menghadiri mesyuarat staf.</p> <p><u>Seting Internship</u></p>	<p>Fleksibiliti: Lembaga Kaunselor telah memberi fleksibiliti seting praktikum dan internship kaunseling dilaksanakan di tempat yang berdekatan dengan kaunselor pelatih. Kaunselor pelatih juga diberikan fleksibiliti untuk menjalankan praktikum dan internship melebihi daripada satu seting.</p>	Tiada fleksibiliti tambahan kepada Nota Khas Bil.2/2020

Bil.	Perkara	Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor	Nota Khas Bil.2/2020	Fleksibiliti Tambahan
		<p>Internship hendaklah dijalankan di organisasi, institusi atau klinik yang menyediakan khidmat kaunseling profesional seperti pusat perkhidmatan kaunseling di institusi pengajian tinggi, hospital, sekolah, pusat komuniti, pusat pemulihan, penjara, jabatan kebajikan masyarakat, pusat diagnostik, jabatan sumber manusia, jabatan agama, badan korporat dan institusi/organisasi lain. Tempat itu juga harus dapat menyediakan peluang seluas-luasnya untuk pelatih membiasakan diri dengan pelbagai aktiviti profesional berkaitan dengan tugas sebagai kaunselor.</p>		

Bil.	Perkara	Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor	Nota Khas Bil.2/2020	Fleksibiliti Tambahan
6.	Penyeliaan Praktikum dan Internship Kaunseling	<p><u>Penyeliaan Praktikum</u> Penyelia Praktikum ialah seseorang yang telah dilantik oleh institusi sebagai penyelia yang sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang kaunseling. Penyelia tersebut hendaklah kaunselor berdaftar dan mempunyai Sijil Perakuan Amalan. Penyelia boleh dibantu oleh kaunselor berdaftar yang mempunyai Sijil Perakuan Amalan dan berkelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kaunseling.</p> <p><u>Penyeliaan Internship</u> Penyelia internship terbahagi kepada dua kategori:</p>	<p>Fleksibiliti: Lembaga Kaunselor telah memberikan fleksibiliti untuk melantik mana-mana kaunselor berdaftar mengikut lokaliti untuk membantu melaksanakan penyeliaan kaunseling kepada pelajar yang menjalankan latihan praktikum dan internship. Ini bagi membantu mengelakkan penyelia akademik universiti yang sukar untuk hadir secara fizikal ke tempat latihan akibat PKP. Sebagai tambahan daripada penyeliaan yang dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar yang dilantik, penyelia akademik dibenarkan menjalankan penyeliaan secara maya. Tempoh dan kekerapan yang bersesuaian mengikut keperluan</p>	Tiada fleksibiliti tambahan kepada Nota Khas Bil.2/2020

Bil.	Perkara	Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor	Nota Khas Bil.2/2020	Fleksibiliti Tambahan
		<p>i. Penyelia Akademik ii. Penyelia Lapangan</p> <p>Penyelia akademik hendaklah seorang yang telah dilantik oleh institusi sebagai penyelia dan sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang kaunseling. Penyelia tersebut hendaklah kaunselor berdaftar yang mempunyai Sijil Perakuan Amalan.</p> <p>Penyelia lapangan pula hendaklah seorang yang telah dilantik bersama oleh institusi dan organisasi di mana pelajar tersebut menjalankan internship. Penyelia lapangan juga hendaklah mempunyai</p>	<p>bagi memastikan kualiti yang sepatutnya dicapai.</p>	

Bil.	Perkara	Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor	Nota Khas Bil.2/2020	Fleksibiliti Tambahan
		sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kaunseling. Penyelia tersebut hendaklah kaunselor berdaftar yang mempunyai Sijil Perakuan Amalan.		